



LKM-L1(C)

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

SYARAT-SYARAT LESEN PEDAGANG KOKO (Biji Koko Kering)

1. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan Sijil Lesen bersama Slip Pembaharuan Lesen di tempat yang mudah dilihat untuk diperiksa oleh Pegawai yang diberi kuasa.
2. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh tamat tempoh sah lesen.
3. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan-laporan urus niaga berikut yang lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak lewat dari 7 haribulan pada setiap bulan berikutnya:
 - 3.1 Stok Biji Koko Dalam Stor;
 - 3.2 Belian Biji Koko Kering termasuk import;
 - 3.3 Inbois Belian Biji Koko
 - 3.4 Jualan Biji Koko Kering;
 - 3.5 Kualiti Biji Koko Kering; dan
 - 3.6 Lain-lain laporan yang dikehendaki oleh Lembaga.
4. Pemegang lesen hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan kelengkapan yang disyorkan oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan peralatan urus niaga termasuk alat timbang, dll dikalibrasi dan disahkan oleh pihak berkuasa.
6. Pemegang lesen hendaklah mengisytiharkan sumber biji koko kering yang dibeli atau diimport kepada Lembaga.
7. Pemegang lesen dilarang mencampur biji koko kering tempatan dan luar negara dan melabelkannya sebagai biji koko kering Malaysia.
8. Pemegang lesen hendaklah menggred biji koko kering dan melapor keputusan analisis fizikal biji koko kering yang dibeli atau diimport kepada Lembaga.
9. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan harga harian belian koko berdasarkan kualiti SMC.
10. Pemegang lesen hendaklah membeli dan menjual biji koko daripada sumber yang sah.
11. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papan tanda "**PEDAGANG BIJI KOKO KERING BERLESEN**" di tempat yang mudah dilihat di premis urus niaga.
12. Lain-lain syarat yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.